



PEMERKASA+

Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan

SOALAN LAZIM MENGENAI BAYARAN TAMBAHAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP) 3.0 DI BAWAH INISIATIF PROGRAM MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI TAMBAHAN (PEMERKASA+)

1. **Apakah yang dimaksudkan dengan bayaran tambahan GKP 3.0 di bawah Inisiatif PEMERKASA+?**

Dibawah matlamat ketiga PEMERKASA+ bagi menyokong kelangsungan Perniagaan, kadar bantuan GKP 3.0 akan ditambah sebanyak **RM500** menjadikan jumlah keseluruhan bantuan GKP 3.0 yang akan diterima adalah sebanyak RM1,500.

2. **Siapakah yang akan menerima bayaran tambahan GKP 3.0 PEMERKASA+?**

Bayaran tambahan GKP 3.0 PEMERKASA+ akan diberikan kepada penerima yang layak menerima GKP 3.0 seperti berikut:

- i. Penerima sedia ada GKP 1.0 dan GKP 2.0
- ii. Lulus Permohonan baharu GKP 3.0

3. **Status bayaran terakhir GKP (GKP 1.0 / 2.0 dan GKP PERMAI) saya adalah Gagal Kredit dan saya tidak mengemas kini maklumat akaun bank semasa tempoh kemas kini akaun bank dibuka. Adakah layak menerima bayaran GKP 3.0 PEMERKASA+?**

Sekiranya bayaran terakhir GKP adalah Gagal Kredit dan penerima gagal mengemas kini maklumat akaun bank terkini dalam tempoh yang telah ditetapkan, penerima tidak layak menerima GKP 3.0 dan juga GKP 3.0 PemerKasa+.

4. **Sekiranya penerima GKP 1.0 / 2.0 membuat pemulangan bayaran GKP atau menolak bantuan GKP, adakah layak menerima bayaran GKP 3.0 PEMERKASA+?**

Penerima GKP 1.0 / 2.0 yang telah memulangkan bayaran GKP atau menolak bantuan GKP sebelum atau pada 31 Mei 2021 dan disahkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), tidak layak menerima bayaran GKP 3.0 dan GKP 3.0 PEMERKASA+.

5. **Adakah saya perlu membuat permohonan untuk mendapatkan amaun tambahan GKP 3.0 PEMERKASA+?**

Penerima tidak perlu membuat sebarang permohonan. Penerima yang layak bayaran GKP 3.0 PEMERKASA+, rujuk Soalan 2.

6. **Berapakah amaun tambahan GKP 3.0 PEMERKASA+?**

Amaun tambahan GKP 3.0 PEMERKASA+ adalah sebanyak RM500.

7. Bilakah tarikh pembayaran GKP 3.0 PEMERKASA+ akan dibuat?

Pembayaran GKP 3.0 PEMERKASA+ adalah mulai 12 Julai 2021 secara berperingkat.

8. Bagaimanakah kaedah pembayaran GKP 3.0 PEMERKASA+ akan dilaksanakan?

Kaedah pembayaran adalah sama seperti pelaksanaan bayaran GKP iaitu dikreditkan ke akaun bank simpanan atau semasa peribadi penerima yang didaftarkan pada permohonan GKP. Maklumat akaun bank juga berdasarkan maklumat terkini yang telah dikemas kini oleh penerima berstatus Gagal Kredit pada pembayaran GKP.

Pembayaran hanya dikreditkan kepada penerima yang mempunyai akaun bank yang aktif sahaja.

9. Bilakah semakan kelayakan GKP 3.0 PEMERKASA+ boleh dibuat?

Kelayakan GKP 3.0 PEMERKASA+ adalah berdasarkan status kelulusan GKP 3.0. Semakan kelulusan GKP 3.0 adalah mulai awal Jun 2021 di portal rasmi GKP (<https://gkp.hasil.gov.my>). Tarikh sebenar akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Kemas kini pada: 12 Julai 2021